

# **Kenyataan Media**

## **Hentikan Ladang Durian Musang King di Hutan Simpan Gunung Inas Desak Tiga Puluh Enam CSO**

BALING, 16 Julai 2022: Hentikan ladang durian Musang King di Hutan Simpan Gunung Inas, Kedah, yang telah menjelaskan 1,500 penduduk kampung dan 3 nyawa terkorban berikutan banjir di Baling baru-baru ini kata tiga puluh enam pertubuhan masyarakat sivil melalui kenyataan bersama yang dimulakan oleh B.E.A.CC.H., kluster alam sekitar CSO Platform for Reform di Malaysia.

Penebangan hutan Gunung Inas untuk memberi laluan kepada ladang durian Musang King dipercaya menjadi punca banjir di Baling yang melanda 42 buah kampung dan kawasan perumahan, walaupun amaran berulang kali diberikan oleh penduduk kampung, pencinta alam dan badan bukan kerajaan sejak 2018. Malangnya, segala usaha oleh pertubuhan masyarakat sivil, individu dan penduduk setempat yang prihatin tidak dipedulikan sehingga mengakibatkan kemusnahan yang besar.

CSO mendesak pembatalan projek perladangan ini atas sebab-sebab berikut:

1. Perlu ada ketulusan mengenai proses pemberian permit secara tender terbuka bagi projek tersebut. Ini termasuk kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) pada 2013 untuk penanaman spesies Getah Klon Balak dan bukan untuk spesies pokok durian Musang King.
2. Tanaman durian Musang King tidak disenaraikan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Ia juga bukan spesis pokok yang disyorkan untuk penanaman semula hutan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
3. Ladang ini terletak di kawasan cerun melebihi 25 darjah yang sepatutnya dipelihara mengikut EIA. Bukit-bukit yang ditaraf ini menimbulkan risiko hakisan tanah, seperti yang terbukti semasa banjir di Baling yang menyaksikan batang-batang pokok dan lumpur dihanyutkan ke kampung oleh hujan lebat.
4. Projek ini juga terletak di Kawasan Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (Rangkaian Utama 5), seperti yang diperincikan dalam Pelan Induk Central Forest Spine (CFS) dan Rancangan Fizikal Negara. CFS mempunyai kawasan tадahan air gunung kritikal dan kawasan tадahan yang membekalkan air untuk 90% penduduk negara. Ia mengawal perubahan iklim, perlindungan tanah dan menyimpan karbon serta merupakan habitat kepada pelbagai flora dan fauna termasuk subspecies harimau Malaya yang terancam dan gajah Asia.

Fakta-fakta penting ini telah didedahkan sejak banjir berlaku oleh beberapa organisasi tempatan dan kebangsaan, termasuk B•E•A•CC•H•, singkatan kepada Biodiversity, Environment, Agroecology, Climate Change dan Habitat, yang turut mengeluarkan kenyataan mengenai perkara yang sama.

Sehubungan dengan itu, pihak CSO menyeru agar inisiatif berikut dilaksanakan:

1. Kerajaan Persekutuan mengkaji semula dan membatalkan dasar-dasar yang menggalakkan pembangunan ladang monokultur di dalam hutan simpan di Semenanjung Malaysia. Hutan simpan harus dikekalkan, dipelihara dan dilindungi untuk fungsi ekologinya.
2. Supaya laporan EIA dan semua laporan-laporan mengenai projek ladang durian Musang King daripada semua agensi-agensi kerajaan terlibat didedahkan kepada umum bagi memastikan ketelusan dan siasatan sewajarnya dijalankan untuk menyiasat punca banjir.
3. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti keseluruhan projek, dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia membuat siasatan secara menyeluruh ke atas pemilik projek dan semua pihak lain yang terlibat.
4. Memastikan usaha penghutanan semula dan kerja-kerja pemulihan dimulakan secepat mungkin bagi memastikan kejadian banjir yang serupa tidak berulang.
5. Kerajaan negeri memberi pampasan yang setimpal kepada semua mangsa, kebanyakannya bukan sahaja kehilangan tempat tinggal malah mata pencarian mereka akibat banjir di Baling.
6. Mengkaji semula projek pembangunan dan penebangan hutan lain di Kedah, termasuk di Hutan Simpan Ulu Muda dan Hutan Simpan Rimba Teloi, yang akan memberi kesan kepada alam sekitar yang lebih besar jika tidak dihentikan segera. Ulu Muda menyediakan sumber air kepada negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Pada masa yang sama, pembangunan Hutan Simpan Rimba Teloi akan menjelaskan kampung-kampung sepanjang Sungai Chepir yang bergantung kepada sumber air dari sini untuk kehidupan sehari-hari mereka. Kedua-dua hutan simpan yang telah diteroka telah menyebabkan banjir yang menjelaskan kampung berhampiran termasuk:
  - a. **Hutan Simpan Ulu Muda**
    - Kg Landai, Kg Gulau, Kg Pinang, Kg Lentang, Kg Belantik and Sekolah Ampang Muda
  - b. **Hutan Simpan Rimba Teloi**
    - Kg Lubuk Tualang, Kg Belimbing, Kg Charuk Puyuh, Kg Jerai, Kg Kemelong, Kg Charuk Padang and Pekan Sik.
7. Menggesa ahli-ahli politik semasa dan terdahulu yang memegang jawatan untuk mengelak daripada menyalahkan satu sama lain dan mencari jalan penyelesaian yang akan memastikan kawasan takungan karbon semula jadi seperti hutan primer dan hutan simpan terus mengekalkan keseimbangan ekologi yang diperlukan untuk kelangsungan hidup manusia dan pemuliharaan biodiversiti.

Dengan ini, kami, gabungan pertubuhan masyarakat civil mendesak agar pihak berkuasa yang berkenaan membatalkan projek ladang durian Musang King berkuat kuasa serta-merta dan memulakan semua usaha pemulihan yang disenaraikan di atas.

**Disokong oleh Pertubuhan Masyarakat Sivil Berikut:**

1	Agora Society Malaysia
2	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
3	B.E.A.CC.H. (Biodiversity, Environment, Agroecology, Climate Change and Habitat), Environmental Cluster of the CSO Platform for Reform
4	Centre for Independent Journalism
5	Consumers' Association of Penang
6	Family Frontiers
7	Gibbon Conservation Society
8	Greenpeace Malaysia
9	Kelab Sahabat Alam Sik (SAS)
10	Malaysian Primatological Society (MPS)
11	Malaysian Nature Society (MNS) Kedah Branch
12	Malaysian Nature Society (MNS) Selangor Branch
13	Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK)
14	Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
15	Persatuan Penduduk Laman Gahal (PELAGA)
16	Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang
17	Persatuan Penggerak Bumi Hijau Malaysia
18	Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia- GRASS Malaysia
19	Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS Malaysia) Kedah Branch
20	Pertubuhan Menangani Gejala Sosial Malaysia (UNGGAS MALAYSIA)
21	Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam
22	Pertubuhan Pemacu Pelancungan Daerah Sik (PEDAS)
23	Pertubuhan Pencinta Kesihatan (PROSIHAT)
24	Pertubuhan Pencinta Warisan Alam Semulajadi Malaysia (PENCINTA)
25	Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
26	Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesinambungan Malaysia (SUSDEN Malaysia)
27	Sahabat Alam Malaysia
28	Sahabat Jariah Malaysia
29	SAVE Rivers
30	Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
31	Taman Melawati Residents Association
32	Terabai Kenyalang Heritage Association of Sarawak
33	Treat Every Environment Special Sdn Bhd (TrEES)
34	Wetlands International
35	Wildlife Research Group (UKM)
36	Yayasan Food Bank Malaysia

**Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan media, sila hubungi:**

1. Kelab Sahabat Alam Sik dan GRASS Kedah  
Mohd Sobri Ramlee - [sobriramlee@yahoo.com.my](mailto:sobriramlee@yahoo.com.my) 017 308 5533
2. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS Malaysia) dan B.E.A.CC.H.  
Mohd Yusaimi Bin Md Yusof - [malaysiagrass@gmail.com](mailto:malaysiagrass@gmail.com) 017 328 5242
2. Sahabat Alam Malaysia (SAM)  
Meor Razak Bin Meor Abdul Rahman - [meorrazak@yahoo.com](mailto:meorrazak@yahoo.com) 019 570 5421